

09 OCT 1999

BSKL-MINGGUAN

MINAT SPEKULATIF NAIKKAN HARGA DI BSKL MINGGU DEPAN

KUALA LUMPUR, 9 Okt (Bernama) -- Minat spekulatif dijangka mencetuskan belian di bursa tempatan minggu depan, bagaimana pun, selepas harga-harga saham meningkat begitu ketara minggu ini, pengambilan untung mungkin berlaku, kata penganalisis.

Seorang penganalisis berkata Indeks Komposit besar kemungkinan bergerak melepasi 750 mata pada awal minggu.

Bagaimanapun, terdapat kecenderungan bagi para pelabur bersikap berhati-hati dan mengaut keuntungan setelah harga-harga saham melonjak minggu ini, katanya.

Seorang penganalisis yang lain pula berkata sekiranya terdapat minat berterusan dan tiada pula tekanan jualan, maka Indeks Komposit mampu berada di atas tahap 750 mata.

Katanya ternyata spekulasi berlaku berhubung Belanjawan yang dijangka tidak membebankan dan ramai pula yang mengharapkan potongan cukai pendapatan persendirian dan cukai korporat.

Para pelabur juga menantikan bilakah pilihanraya akan diadakan, penganalisis itu menambah kata.

Semua faktor-faktor ini akan terus menarik minat para pelabur minggu depan, kata penganalisis.

Minggu ini, kecuali pada hari Selasa, pasaran ditutup tinggi berikutan spekulasi mengenai bilangan bank induk yang akan ditambah, pilihan raya dan Belanjawan yang akan diadakan tidak lama lagi.

Pada 6 Okt, Perdana Menteri Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad berkata kerajaan tidak menolak kemungkinan mengkaji semula bilangan kumpulan perbankan kini berjumlah enam jika bank-bank terbabit boleh menjelaskan mereka menghadapi masalah dengan proses penggabungan yang dicadangkan.

Enam bank induk yang dikenali pasti ialah Malayan Banking, Multi-Purpose Bank, Bumiputra-Commerce, Perwira Affin Bank, Public Bank dan Southern Bank.

Terdapat spekulasi bahawa Arab-Malaysian Bank dan Hong Leong berhasrat tidak menyertai cadangan penggabungan untuk menjadi kumpulan perbankan induk yang enam itu.

Sementara itu, White Horse, pembuat jubin, memulakan dagangan sulungnya di Papan Utama pada hari Isnin. Kaunter tersebut dibuka pada RM1.80, iaitu memperolehi premium 30 sen berbanding harga tawaran awal RM1.50. Ia ditutup pada hari pertama pada harga RM1.88 dan pada Jumaat pula ia ditutup pada RM2.05.

Penanda aras Indeks Komposit yang mengandungi 100 saham ditutup pada 743.84 selepas mencecah paras tertinggi 748.36. Indeks tersebut mencatat kenaikan sebanyak 63.77 mata minggu ini.

Indeks Emas bagi semua Papan Utama, meningkat 16.20 mata kepada 192.07 berbanding 175.87 minggu sebelumnya manakala Indeks Perusahaan naik 71.59 kepada 1,294.94.

Dengan spekulasi penambahan jumlah bank induk, Indeks Kewangan melonjak sebanyak 720.18 mata kepada 5,977.77. Indeks Papan Kedua pula menambah 6.41 mata kepada 159.79.

Jumlah dagangan keseluruhan berjumlah 1,419.245 juta saham bernilai RM3,436.512 juta.

Jumlah dagangan di pasaran biasa Papan Utama meningkat kepada 1.218 bilion saham bernilai RM3.016 bilion daripada 605.557 juta saham bernilai RM1.559 bilion.

Di Papan Kedua, urusan niaga meningkat kepada 24.049 juta saham bernilai RM61.552 juta daripada 19.589 juta saham bernilai RM53.257 juta.

Urusniaga luar pasaran naik kepada 176.963 juta saham bernilai RM358.677 juta daripada 75.256 juta saham bernilai RM169.242 juta.

Mengikut sektor, barangan pengguna menyumbang 25.840 juta saham yang diniagakan di Papan Utama (pasaran biasa), barangan perusahaan 97.997 juta, pembinaan 120.628 juta, dagangan/perkhidmatan 317.703 juta, prasarana 5.627 juta, kewangan 237.096 juta, hotel 7.596 juta, hartanah 133.960 juta, perladangan 20.433 juta, perlombongan 7.529 juta, amanah 206,734, dana tertutup 1.635 juta, pinjaman 95.463 juta, TSR/waran 144.658 juta dan hak 1.86 juta.

Di Papan Kedua pasaran biasa, barangan pengguna menyumbang kepada 7.682 juta saham diniagakan, barangan perusahaan 7.975 juta, pembinaan 3.53 juta, perdagangan/perkhidmatan 3.885 juta, pinjaman 16,000 dan TSR/waran 961,171.

Malaysian Resources adalah kaunter paling cergas dengan 43.974 juta saham diniagakan. Ia naik dua sen kepada RM3.04, selepas bergerak antara RM2.55 dan RM3.10.

Kaunter paling cergas lain, Renong dengan 35.987 juta saham (naik lima sen kepada RM2.30), RHB Capital 35.364 juta (naik lapan sen kepada RM3.40), MBf Capital 30.131 juta (naik empat sen kepada RM1.22), Arab-Malaysian Corporation 29.619 juta (susut empat sen kepada RM2.23), Intria 28.997 juta (kekal pada 72 sen), ICUL Renong 1996/2001 24.498 juta (naik tiga sen kepada 76 sen), ICUL Malaysian Plantation 1997/2002 24.32 juta (naik tujuh sen kepada RM1.61), waran Intria 24.276 juta (susut dua sen kepada 36 sen) dan Land & General 23.394 juta (susut satu sen kepada RM2.00).

Sementara itu, Bursa Urus Niaga Sekuriti dan Sebutarga Automasi Malaysia MESDAQ, Indeks Kompositnya ditutup pada 59.69, susut 5.31 berbanding penutupan minggu sebelumnya.

Supercomal, kaunter tunggal yang disenaraikan di MESDAQ, mencatat 2,800 saham bernilai RM5,332. Ia ditutup pada RM1.91, susut 17 sen berbanding minggu sebelumnya.

-- BERNAMA

MSL JR